

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SPP 209 - Pengantar Politik Perbandingan

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA** soalan. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. Hal-hal teori dan fokus perbandingan mesti diselesaikan dahulu sebelum mana-mana analisa perbandingan dapat dibuat. Dengan contoh-contoh dari analisa SPP 209 ini, huraikan bagaimana akan jadi pada perbandingan empat kes negara tersebut jika dua hal tadi itu kekal kabur. Sambil itu nyatakan juga sebab-sebab mengapa kaedah politik perbandingan itu terus berkembang dan 'perbandingan' itu seolah-olah satu yang tak dapat dielakkan dalam memahami politik.

(100 Markah)

2. Dalam menyempurnakan saranan teori bagi kursus ini kita mulakan dengan membanding-bandingkan pandangan politik empat tokoh pemikir-pengkaji politik. Nyatakan saranan-saranan besar setiap tokoh tadi tentang apa itu politik dan mengapa ianya berubah-ubah. Juga nyatakan dengan contoh-contoh (dari empat kes negara tadi) akan bagaimana kita simpulkan saranan-saranan besar mereka itu dan jadikannya sebagai tapak teori kita dalam kes-kes perbandingan kita.

(100 Markah)

...2/-

Soalan 3 - 6 akan berpandukan pada carta di bawah:

Pecahan	England Pendal-->	Empayar Tsaris	Jepun Pendal-->	Negeri-negeri
Tesis	Britain Liberal	Rusia-->	Kapitalisme	Ufti-->
tentang	Kapitalis-->	Kapitalisme	Samurai	Kapitalisme
transformasi	Kapitalis	Diraja-->	(Fasisme)-->	'Resident'-->
kelas,	Kebajikan	Kesatuan	Kapitalisme	Kapitalisme Etnik/
birokrasi dan		Soviet Sosialis-->	Zaibatzu	DEB Malaysia
elit kuasa		Perpecahan		-->Kapitalisme
		Soviet		DPM - Wawasan.
A	A1	A2	A3	A4
B	B1	B2	B3	B4
C	C1	C2	C3	C4
D	D1	D2	D3	D4
E	E1	E2	E3	E4

Carta Rumusan Perbandingan Politik

3. Lihat carta rumusan di atas. Ruang-ruang A-E itu adalah setiap satunya merupakan satu subtesis transformasi politik. Nyatakan kelima-lima subtesis tadi dan hubungkait antaranya. Pilih mana-mana satu negara dan jadikannya contoh bagaimana subtesis-subtesis tadi itu dapat diaplikasikan dan juga bagaimana terkaitnya antara satu dan yang lain; terutama di dalam menghasilkan satu-satu aliran transformasi politik.

(100 Markah)

...3/-

[SPP 209]

4. Lihat carta rumusan di atas. Ruang-ruang A-E adalah setiap satunya merupakan satu subtesis transformasi politik. Pilih mana-mana satu subtesis dan buatlah huraian perbandingannya bagi setiap negara yang kita kaji. Contoh: jika anda pilih subtesis D, maka anda buatlah analisa atas D1, D2, D3, dan D4. Ingat yang seharusnya menonjol bukan sahaja keunikan setiap ruang-negara tadi tetapi juga perbezaannya; terutama tentang mengapa timbulnya aliran transformasi yang berbeza-beza.

(100 Markah)

5. Lihat carta rumusan di atas. Bagi setiap satu ruang aplikasinya; yakni dari A1 sampai E4 (20 ruang semuanya) telah disediakan bahan bacaan asas. Pilih mana-mana empat ruang dan kupaskan akan isi-besar bahan bacaannya. Kupasan ini mestilah tepat dengan nama penulis dan nama bahan rujukannya ini sekali. Kupasan juga bermakna bukan sahaja anda menyatakan apa yang pengkaji kata tetapi juga bagaimana sumbangannya kepada ruangnya dan arah aliran transformasi satu-satu negara tersebut.

(100 Markah)

6. Mengapakah bila timbul tekanan industri, transformasi negara Malaysia mengikuti aliran kapitalisme etnik tetapi transformasi negara Rusia mengikuti aliran komunisme? Bagaimana pula kedua-duanya berbeza dari apa yang berlaku di England dan di Jepun?

(100 Markah)